

Timbalan PM kedua

Usul tak munasabah, kata Pemuda Umno Selangor, P. Pinang

KUALA LUMPUR, Rabu — Pergerakan Pemuda UMNO Selangor dan pemimpin UMNO Pulau Pinang membantah keras ura-ura Pemuda MCA meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melantik seorang lagi Timbalan Perdana Menteri kedua dari MCA.

Pemuda MCA dalam perhimpunan dua hari di Kuala Lumpur Jumaat ini akan membahaskan usul tersebut.

Pemimpin UMNO Pulau Pinang menisfatkan usul tersebut tidak munasabah dan boleh menjejaskan perpaduan dalam Barisan Nasional sementara Pergerakan Pemuda UMNO Selangor menisfatkannya sebagai tuntutan yang keterlaluan.

Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang, Encik Hassan Att berkata: "Kami kesal mengapa usul yang sensitif ini mahu dibahaskan dalam perhimpunan MCA. Saya bimbang usul seperti itu boleh menjejaskan perpaduan parti-parti komponen Barisan Nasional yang wujud sekarang."

Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan

Pemuda UMNO Pulau Pinang, Encik Anuar Mohamed Noor juga membantah usul Pemuda MCA itu memandangkan semua parti komponen dalam Barisan Nasional sekarang ini bersatu tenaga untuk perpaduan rakyat.

"Pemuda MCA harus sedar, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mewakili semua rakyat tanpa membezakan keturunan.

"Beliau juga memberi jaminan, beliau akan sentiasa bersikap rasional dan mengelakkan tanduk perkauman," ujarnya.

Menurut Encik Anuar, kalau Timbalan Perdana Menteri sudah memberi jaminan sedemikian, mengapa pula soal Timbalan Perdana Menteri kedua ditimbulkan oleh Pemuda MCA.

"Kami memandang berat usul yang akan dibahaskan itu kerana ia menimbulkan implikasi yang kurang sihat dalam Barisan," ujarnya lagi yang juga salah seorang ahli jawatankuasa Biro Perumahan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Pegawai Perhubungan Gerakan Bella 4B Pulau Pinang, Encik Abu Bakar Mat pula berpendapat usul itu sudah melampaui batasan.

Katanya, MCA

sepatutnya belajar mengenali sejarah kerana belum pernah berlaku dua Timbalan Perdana Menteri dilantik.

Encik Abu Bakar yang juga Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Bukit Bendera menggesa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenakan tindakan disiplin kepada mana-mana komponen parti yang cuba menggugat keutuhan pucuk pimpinan.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Selangor, Encik Mohd. Shariff Jajang pula memberitahu, pihaknya menganggap syor Pemuda MCA itu sebagai satu tuntutan yang keterlaluan.

"Kami menentang sekeras-kerasnya syor itu," katanya ketika diminta mengulas usul Pemuda MCA itu.

Encik Mohd. Shariff kemudian menegaskan, Pergerakan Pemuda UMNO Selangor penuh yakin, kedua tokoh yang ada sekarang - Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam adalah pemimpin berkualiti dan mampu mengendalikan tugas-tugas negara bagi kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat tanpa mengira kaum.

"Kita harus menumpukan segala tenaga dan jiwa raga ke arah membangunkan masyarakat serta negara," katanya lagi.

Tidak sepatutnya timbul ura-ura stau hasrat bagi menjejaskan matlamat ini dengan usul-usul yang tidak munasabah, kata beliau.